

Konsep Deep State: Satu Penilaian Semula

Revisiting the Concept of Deep State

Mohd Aiman Ahmad Faudzi^{①1}, Mohd Zul Fahmi Md Bahrudin¹, Mohd Asyraf
Mohd Farique¹ & Syed Ahmad Israa' Syed Ibrahim¹

¹IRIS Institute

(^①Corresponding author: aiman@iris.institute)

ABSTRAK

Kajian ini cuba melihat semula konsep deep state melalui sudut pandang struktur, jaringan dan modus operandinya di beberapa buah negara. Deep state adalah suatu konsep yang digunakan dalam lapangan sains politik bagi menerangkan kewujudan 'kuasa di sebalik kuasa', 'daulah terpendam (dawla 'amîqa)' atau 'kerajaan tidak rasmi' dalam sesebuah negara. Kajian ini turut meneliti konsep-konsep lain yang hampir sama dengan deep state tetapi menggunakan nama lain seperti *shadow state*, *chaebol*, *secret societies* dan *kongsi-triad*. Penulisan ini mendapati terdapat beberapa jurang dalam literatur dan mengutarakan beberapa cadangan untuk penyelidikan di masa hadapan. Dapatan penulisan ini meluaskan kefahaman tentang deep state dengan mengemukakan konsep deep state yang lebih jelas dan menyeluruh.

KATA KUNCI

Deep State, Kerajaan Tidak Rasmi, Shadow State, Chaebol, Secret Societies, Kongsi-Triad

Received: Nov 01, 2021

Accepted: May 22, 2022

Published: May 31, 2022

ABSTRACT

This study revisits the concept of deep state through the perspective of its structure, network and modus operandi in several countries. Deep state is a concept in political science which explains the existence of 'power behind power', 'hidden government (dawla 'amîqa)' or 'informal government' in a country. This study also examines other concepts that are similar to deep state but use different names such as shadow state, chaebol, secret societies and kongsi-triad. This paper identifies some gaps in the literature and propose some suggestions for future research. The findings of this paper help to broaden the understanding of deep state by presenting a clearer and more comprehensive concept of deep state.

KEYWORDS

Deep State, Informal Government, Shadow State, Chaebol, Secret Societies, Kongsi-Triad

1.0 Pendahuluan

Umum mengetahui fungsi struktur pemerintahan dalam sesebuah negara adalah bagi memacu pertumbuhan dan kemajuan nasional, selain menjadi penjaga kepada kepentingan rakyat dan negara. Namun begitu, para sarjana telah menunjukkan bahawa hala tuju negara tidak sepenuhnya mengikut kehendak dan visi sebenar kemajuan negara. Antaranya adalah negara-negara yang kaya dengan sumber alam tetapi penduduknya dibelenggu kemiskinan sedangkan hasil kekayaan negara dikaut oleh pihak asing (Alatas, 1977; Mukeri, 2012). Individu-individu berpengaruh yang melakukan jenayah dan kesalahan berprofil tinggi dibebaskan tanpa didakwa (Jenselius & Wood, 2016). Selain itu, wujud amalan di mana jentera pentadbiran negara menyokong polisi-polisi yang dipelopori oleh tangan-tangan ghaib serta hegemoni golongan elit tempatan dan kapitalis asing dalam sektor ekonomi negara (Gliniak, 2021). Malah, aktiviti ekonomi gelap masih berleluasa dan melibatkan golongan elit (Edelbacher et al., 2015).

Timbul persoalan, adakah struktur-struktur penting pemerintahan negara berfungsi bagi memacu pertumbuhan nasional negara, atau menjadi proksi kepada kepentingan tangan ghaib ini? Antara konsep yang diperkatakan dalam kalangan para sarjana dalam membincangkan mengenai fenomena ini adalah konsep *deep state*. Namun begitu, konsep-konsep lain yang hampir dengan *deep state* seperti *shadow state*, *chaebol*, *secret societies* dan *kongsi-Triad* boleh membantu dalam memperluaskan kefahaman mengenai *deep state* ini. Terdapat beberapa perbezaan penggunaan nama dalam menggambarkan tentang konsep *deep state* ini bergantung kepada suasana dan konteks sesebuah negara.

Justeru itu, tinjauan literatur ini akan membawakan konsep *deep state* dan konsep-konsep yang membawa maksud hampir sama serta perkaitannya dalam membicarakan hal ini. Objektif utama penulisan ini adalah untuk meninjau secara konseptual definisi, struktur, mekanisme, modus operandi dan jaringan *deep state* dalam ekonomi, politik dan sosial dalam sesebuah negara. Hal ini bagi memberikan definisi yang lebih luas dan komprehensif terhadap konsep *deep state* berbanding definisi dan kefahaman konvensional untuk konsep tersebut yang dilihat tidak membawa makna secara keseluruhan berkaitan elemen seperti 'kuasa di sebalik kuasa', 'negara di sebalik negara', 'kerajaan bayangan' dan juga 'tangan ghaib'. Justeru, kajian ini turut mengkaji persamaan dan perbezaan antara konsep *deep state* dan konsep-konsep lain yang hampir sama seperti *shadow state*, *chaebol*, *secret societies* dan *kongsi-triad*.

2.0 Perbincangan Konseptual Deep State

Perbincangan mengenai *deep state* banyak bertumpu kepada negara autokratik dan tentera seperti di Turki, Mesir dan Pakistan. Selain itu, model *deep state* di Amerika Syarikat yang dianggap negara

demokratik telah memberikan dimensi *deep state* yang lebih meluas. Walaupun begitu, adakah perbincangan *deep state* yang telah dilakukan dalam literatur dapat memberikan gambaran yang tepat kepada persoalan 'kuasa di sebalik kuasa', 'daulah terpendam' atau 'kerajaan tidak rasmi'? Bagi menjawab persoalan ini, kajian ini akan melihat definisi, jaringan, struktur dan modus operandi yang telah dibincangkan oleh para sarjana berkenaan *deep state* di Turki, Mesir, Pakistan, Thailand dan Amerika Syarikat.

2.1 Definisi Deep State

"Normally when you use the expression 'deep state' what you're talking about is a quite evil process associated with dictatorships that mean that whatever the politics are that runs across the surface of a state, underneath it all is the real power that lies in the deep state which is usually a military/intelligence phalanx. Well, we have a benign deep state and the people who are representative of that include many sitting in this room" (Beazley, 2016).

Memetik ucapan Kim Beazley, seorang ahli politik Australia, boleh difahami bahawa *deep state* yang dimaksudkan adalah 'kuasa sebenar' di dalam negara yang dimonopoli oleh tentera mahupun badan perisikan. *Deep state* boleh dianggotai oleh pegawai kerajaan mahupun ahli politik di dalam sesebuah negara.

Takrif umum Merriam-Webster (1997) melihat *deep state* sebagai sebuah jaringan rahsia pegawai birokrat kerajaan dan institusi bukan kerajaan seperti industri kewangan dan pertahanan yang beroperasi mengatasi luras undang-undang untuk mempengaruhi polisi-polisi kerajaan. Konteks perbincangan *deep state* di Timur Tengah pula menggunakan istilah '*dawla 'amîqa*' (kerajaan rahsia) atau '*derin devlet*' seperti di Turki yang dirujuk sebagai jaringan rahsia yang lebih berkuasa daripada kerajaan rasmi (Filiu, 2015).

Secara umumnya, kandungan perbincangan *deep state* terbahagi kepada dua sudut pandangan perbincangan. Sudut pandangan yang pertama banyak merujuk kepada *deep state* yang berteraskan kuasa ketenteraan seperti di Turki, Mesir dan Pakistan yang didominasi kuasa tentera. Sudut pandangan yang kedua pula melihat *deep state* dari sudut entiti kuasa institusi selain kerajaan yang rasmi seperti di Amerika Syarikat, sebuah negara demokratik. Terdapat beberapa definisi *deep state* yang dijelaskan melalui konsep, model, proses dan modus operandi yang berkaitan.

Kajian *deep state* di Turki misalnya, melihat konsep *deep state* sebagai *perverse institutionalization* yang membawa maksud institusi negara yang tidak boleh dikawal oleh kerajaan (Söyler, 2015). Tanda-tanda kemunculan *deep state* boleh dilihat sewaktu pemerintahan negara lemah, dimana mereka akan mula mengambil alih tampuk kekuasaan di dalam negara. Terdapat juga konsep *deep state* yang melihat entiti mereka sebagai penjaga 'ideologi nasional' mengikut sudut pandang mereka (Lofgren, 2016). Entiti *deep state* ini akan bertindak apabila pemerintahan rasmi negara mahu melawan 'ideologi nasional' berdasarkan pandangan mereka. Contohnya, di Turki, entiti *deep state* didominasi oleh jaringan berideologi Kemalist yang menggunakan kuasa mereka sama ada dalam bentuk rasmi dan tidak rasmi (Watmough, 2017).

Deep state dilihat sebagai entiti yang terbina daripada elemen keselamatan rasmi negara. Ini berlaku apabila *deep state* terlibat dalam badan-badan keselamatan dan memiliki autonomi serta kuasa tersendiri di atas struktur keselamatan rasmi negara (Lofgren, 2016). Konsep ini juga dikenali sebagai '*independent security state*' atau '*a state within state*' (O'Neil, 2017). *Deep state* juga dianggap gerakan rahsia, tetapi diketahui wujud oleh masyarakat awam. Selain itu, kebanyakan kegiatan *deep state* dilihat bersifat konspirasi dan mempunyai hubungan yang luas antara institusi yang memiliki kuasa di dalam negara.

Konsep lain yang dibincangkan di bawah tema *deep state* ialah konsep *tutelary democracy*. Berdasarkan kajian di Turki, konsep ini mendefinisikan keadaan di mana tentera mempunyai kuasa yang mengatasi kuasa rakyat dalam pemerintahan dan melanggar batasan '*rule of law*'. Kuasa yang dimiliki tentera di dalam *tutelary democracy* ini telah digunakan untuk mengenakan *putsch threat* iaitu dasar autokratik dan keras kepada masyarakat sivil hasil daripada kuasa yang diperoleh di tangan tentera (Söyler, 2015). *Putsch threat* ini bermatlamat mengawal masyarakat awam atau kelompok elit yang wujud di dalam negara (Özkut & Aşçı, 2020).

2.2 Struktur Deep State

Deep state bukan sekadar perbincangan secara konsep atau teori malah bergerak dalam struktur yang tertentu. Adakah *deep state* memiliki struktur hierarki yang jelas dan diketuai oleh seorang ketua ataupun ia merupakan sebuah kesatuan yang mirip sebuah majlis yang terdiri daripada kelompok elit? Apakah terdapat peraturan dan undang-undang tertentu yang diketahui wujud untuk menjaga struktur *deep state* ini?

Struktur *deep state* mempunyai bentuk yang tersusun serta memiliki autonomi, hierarki dan peraturan yang khusus di antara mereka. Seperti kerajaan rasmi di dalam negara, *deep state* dianggotai oleh ramai aktor yang terlibat dalam pergolotan kuasa berdasarkan kerangka yang dikehendaki *deep state* (Mérieau, 2016). Contohnya jaringan *deep state* di Thailand secara tersusun melibatkan aktor yang berada dalam pasukan keselamatan seperti tentera dan polis serta pegawai di dalam institusi kehakiman yang memiliki autonomi tersendiri di dalam negara (Mérieau, 2016). Ciri-ciri autonomi di dalam *deep state* ini pula muncul kerana penglibatan aktor-aktor dalam pelbagai institusi kuasa yang menggunakan 'keabsahan diraja' bagi melindungi, membangun dan meneruskan legasi kuasa (Mérieau, 2016).

Terdapat juga sudut pandangan mengenai struktur *deep state* diketuai oleh '*Patron*' atau penaung yang datang daripada kelompok autokratik. Kelompok autokratik ini terdiri daripada institusi politik atau daripada institusi kerajaan yang memiliki autoriti di dalam negara. Tambahan pula, kelompok autokratik ini sendiri dipimpin oleh ketua yang terdiri daripada badan-badan keselamatan dan organisasi-organisasi jenayah (Söyler, 2015). Contohnya, Söyler (2015) mendapati terdapat pegawai tinggi dalam kalangan pasukan polis dan tentera yang menaungi kelompok *deep state*.

Terdapat kajian yang mendapati bahawa *deep state* wujud sebagai elemen hibrid di dalam kerajaan dan berada di kedudukan teratas industri kewangan yang memerintah tanpa memerlukan kepada persetujuan rasmi daripada badan pemerintahan negara (Lofgren, 2016). Struktur ini dilihat wujud dalam model *deep state* di Amerika Syarikat, sebuah negara demokrasi dimana sektor ekonomi yang dikuasai kapitalis dan syarikat bertaraf antarabangsa memiliki dominasi yang kuat di dalam negara.

Di negara-negara lain, *deep state* didapati mempunyai struktur yang didominasi oleh sesebuah institusi rasmi kerajaan ke atas badan-badan lain di dalam negara. Hal ini jelas boleh dilihat dalam konteks *deep state* di Mesir. Fenomena *deep state* di Mesir wujud sebagai jaringan kuasa yang terbentuk antara institusi-institusi penting kepada Republik Mesir, termasuklah badan eksekutif, parlimen, badan kehakiman yang didominasi oleh institusi ketenteraan. Tentera yang diketuai oleh Majlis Tertinggi Angkatan Tentera Mesir (SCAF) memperkukuhkan penguasaan mereka dengan pemilikan terhadap pelbagai institusi perniagaan seperti hospital, kelab, restoran, kilang dan hotel. Dianggarkan hampir 40% daripada keseluruhan ekonomi Mesir dikuasai oleh institusi tentera Mesir (Zibaei, 2019). Contoh yang sama berlaku di Turki yang melibatkan dominasi oleh institusi tentera. Institusi tentera Turki melebarkan penguasaan ke atas institusi-institusi kerajaan Turki yang lain, dengan menggunakan saluran undang-undang atau gerakan sivil (Waldman & Caliskan, 2019).

Terdapat juga struktur *deep state* yang dipegang atau dimonopoli oleh sebuah kelompok elit. Misalnya, struktur *deep state* di Mesir dipegang oleh kelompok elit keselamatan negara. Dominasi tentera Mesir disorot sehingga kepada Revolusi 1952 yang didalangi oleh *Free Officers Movement*. Selepas revolusi tersebut, pemegang jawatan presiden Mesir sehingga tahun 2011 adalah daripada kelompok elit Pegawai Tentera Muda Mesir seperti Jamal Nasser (Zibaei, 2019). Manakala struktur *deep state* di Pakistan pula dipegang oleh keluarga elit dengan menggunakan institusi yang memiliki autonomi negara sebagai proksi mereka. Agensi *Inter-Services Intelligence* (ISI) dilihat sebagai kuasa politik terkuat yang memandu hal ehwal domestik dan agenda politik antarabangsa sejak kemerdekaan Pakistan. ISI telah memperoleh kekuatan melalui koordinasi antara Perisikan Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara Pakistan (Winchell, 2003).

Selain itu, terdapat juga struktur *deep state* yang dimonopoli oleh kedua-dua institusi kerajaan dan mafia yang biasanya berlaku di negara autokratik. Kelompok autokratik kerajaan dan mafia yang terlibat dalam *deep state* boleh memberi kesan secara langsung kepada politik dan masyarakat awam. Kelompok kerajaan autokratik ini merupakan golongan yang memiliki akses kepada aspek kerahsiaan, dengan mengumpul sokongan politik dan memberi pengaruh secara langsung dengan menggunakan hubungan hierarki (Söyler, 2015). Kelompok autokratik ini akan bergerak di dalam sistem rasmi negara, manakala kelompok mafia bergerak dalam kalangan masyarakat. Kelompok autokratik ini juga dianggap institusi jenayah yang separa rasmi walaupun bergerak dalam skala yang besar. Hal ini menyebabkan operasi-operasi mereka tidak terikat dengan lunas undang-undang (Söyler, 2015).

2.3 Jaringan Deep State

Hubungan dan jaringan yang dimiliki oleh *deep state* bertujuan untuk membolehkan entiti tersebut mencapai matlamat mereka. Persoalannya, seluas manakah jaringan *deep state* yang wujud di dalam sesebuah negara? Selain itu, adakah entiti *deep state* sendiri yang menyusun proksi mereka di dalam badan-badan yang berkuasa di dalam negara atau hubungan yang wujud sekadar berbentuk *clientelism*, iaitu sekadar memenuhi kepentingan masing-masing?

Deep state dilihat sebagai sebuah gabungan jaringan rahsia antara institusi-institusi yang memiliki imuniti dengan rangkaian institusi bukan negara (Mérieau, 2016). Jaringan *deep state* didapati wujud antara badan keselamatan, ekonomi dan politik negara. Contohnya, *deep state* di Turki memiliki hubungan yang kuat dengan industri ketenteraan yang berfungsi mengalirkan pengumpulan modal daripada industri, ekonomi dan politik ke arah keperluan ketenteraan (Mérieau, 2016). Kompleks industri ketenteraan ini dikuasai sama ada oleh badan eksekutif yang memiliki kuasa yang luas atau pegawai-pegawai tentera dengan menggunakan pelbagai bentuk penyamaran. Antaranya ialah seperti pemain industri, pedagang dan pelabur kewangan (Mérieau, 2016). Mekanisme ini menjadi sumber kuasa yang mengekalkan pengaruh ekonomi dan politik yang dimiliki oleh *deep state*.

Jaringan *deep state* di negara demokrasi pula melibatkan institusi-institusi kerajaan dan bukan kerajaan secara meluas. Jaringan *deep state* di Amerika Syarikat melibatkan agensi kerajaan seperti National Security Agency (NSA), Central Intelligence Agency (CIA), Pentagon dan pasukan tentera upahan seperti Booz Allen Hamilton, industri senjata, firma-firma Wall Street dan syarikat IT di Silicon Valley (Burchill, 2020). *Deep state* turut memiliki perkaitan dengan beberapa jaringan lain yang wujud di dalam negara seperti *Unseen Forces*, *Hidden Histories*, *Secret Societies*, *Operasi False Flag* dan *Shadow Government* (Lofgren, 2016).

Jaringan *deep state* di Mesir pula dilihat sebagai jaringan kuasa yang terbentuk antara institusi-institusi penting termasuklah badan eksekutif, parlimen dan badan kehakiman yang didominasi oleh institusi ketenteraan. Di Thailand, *deep state* dikatakan wujud dalam bentuk jaringan diraja atau monarki Thailand. Jaringan halimunan atau *invisible network* ini terdiri daripada gabungan antara pegawai kerajaan dan institusi negara khususnya daripada kelompok elit pimpinan tertinggi di dalam institusi tentera, pegawai-pegawai birokrat diraja yang berpusat kepada Pengerusi Badan Penasihat Diraja.

Pengerusi Badan Penasihat Diraja seperti Jeneral Prem Tinsulanonda didakwa telah menjadi proksi kepada Raja Thailand (Mérieau, 2016).

Jaringan *deep state* di Pakistan pula menunjukkan bahawa jaringan terbina berasaskan dominasi keluarga Bhutto di negara tersebut. Zulfikar Ali Bhutto, Presiden Pakistan ke-4 (1971-1973) telah menubuhkan *Federal Security Force* yang bersifat separa tentera. Badan tersebut telah digunakan untuk mengekalkan kuasa dan melemahkan musuh-musuh Zulfikar (Hughes & Shaffer, 2021). Bentuk hubungan *deep state* di Pakistan ini tertumpu kepada strategi, perebutan dan mengukuhkan kuasa. Selain itu, *deep state* di Pakistan ini mempunyai pengaruh di bawah institusi tentera Pakistan. Institusi tentera Pakistan ini bertanggungjawab melindungi aset nuklear negara dan memastikan kerajaan yang pro-Pakistan sahaja dibenarkan memerintah di Afghanistan, negara jirannya yang strategik (Sadat, 2018). *Deep state* di Pakistan ini wujud dalam bentuk jaringan antara tentera, badan perisikan dan organisasi agama.

2.4 Modus Operandi Deep State

Kajian terhadap *deep state* juga perlu dilihat dari sudut pandang modus operandi yang menjadi identiti kepada entiti tersebut. Persoalannya, bagaimanakah *deep state* menjalankan modus operandi bagi mencapai matlamat mereka? Pemerhatian terhadap modus operandi *deep state* di Turki, Thailand, Pakistan dan Amerika Syarikat telah dikenal pasti dan dibandingkan bagi mendapatkan indikator kewujudan *deep state* di negara-negara tersebut.

Bagi model *deep state* yang didominasi oleh kapitalis atau elit ekonomi seperti di Amerika Syarikat, mereka mengeksploitasi sumber manusia dan alam. Matlamatnya bagi mengumpul keuntungan peribadi dan mengaut sebanyak mungkin manfaat (Sklair, 2002). Kelompok ini tidak terikat dengan batas sempadan negara. Operasi mereka bersifat global, dan taat setia serta kecenderungan mereka hanya kepada perkara yang boleh memberi keuntungan kepada mereka. Mekanisme ini dapat dilihat apabila kelompok ini telah lama bertapak di dalam syarikat multinasional yang menjadi tempat mereka menjana keuntungan (Sklair, 2002).

Modus operandi yang pertama adalah dengan menggunakan autonomi badan-badan strategik di dalam negara. *Deep state* bertindak sebagai jaringan subversif yang berkuasa mengawal tampuk pentadbiran kerajaan antara pegawai-pegawai di dalam institusi kerajaan seperti tentera, polis, birokrat, perisikan dengan badan tidak rasmi seperti ahli akademik, wartawan, peguam serta organisasi mafia dan pengganas bersenjata (Ertür, 2016). Modus operandi ini juga dilihat dalam bentuk *perverse institutionalization*, iaitu apabila institusi-institusi yang memiliki kuasa di dalam negara ini melawan kerajaan rasmi, mekanisme ini memberi kesan kepada keputusan-keputusan politik selain mempengaruhi keputusan sistem kehakiman (Söyler, 2015). Contohnya, apabila autonomi ketenteraan Turki menjadi terlalu kuat, mereka memiliki veto seperti dalam bentuk *National Security Council* yang mencampuri polisi dan urusan badan perundangan (Parlimen) dan badan eksekutif (Söyler, 2015).

Berdasarkan modus operandi ini, *deep state* menggunakan proksi yang memiliki kuasa untuk mencapai matlamat mereka. Misalnya, jaringan *deep state* di Thailand memiliki proksi yang mampu menyesuaikan peranan dan ideologi demokrasi mengikut kehendak mereka. Strategi ini dilakukan dengan mempengaruhi persepsi rakyat Thailand melalui penciptaan krisis dan darurat negara. Ini berlaku melalui krisis perlembagaan Thailand pada tahun 1997 dan 2007 apabila jaringan *deep state* ini menggunakan pengaruh mereka di dalam institusi diraja dengan menjadikan Mahkamah Perlembagaan Thailand sebagai 'Raja Interim' bagi kepentingan mereka sendiri. Krisis perlembagaan pada tahun 1997 telah memperlihatkan hakim diberikan peranan sebagai wakil Raja Thailand. Krisis pada tahun 1997 ini juga telah memberikan Hakim Mahkamah Perlembagaan Thailand ruang kuasa yang tidak terbatas (Mérieau, 2016).

Modus operandi yang kedua adalah dengan menggunakan 'Ideologi Nasional' sebagai kaedah mencapai matlamat mereka. *Deep state* melihat diri mereka sebagai penjaga kepada 'Ideologi Nasional' dan akan bermusuhan kepada mana-mana pihak yang melanggar ideologi ini. Konsep 'penjaga' ini digunakan sebagai alasan untuk menentang dan melawan mana-mana pihak yang berupaya

mengancam 'Ideologi Nasional' mereka. Modus operandi ini boleh berlaku dalam bentuk keganasan *false-flag*, yang bertujuan mengelirukan entiti luar daripada entiti *deep state*. Modus operandi tersebut dilakukan oleh proksi *deep state* dalam tentera dan perisikan bertujuan untuk mengelirukan, dan boleh melibatkan hubungan dengan proksi *deep state* dalam organisasi jenayah (Scott, 2007).

Modus operandi ketiga adalah menerusi konsep penaungan atau disebut sebagai '*tutelage*'. Di Turki, mekanisme penaungan oleh tentera telah menyebabkan kerajaan kehilangan kuasa di dalam negara. Selain itu, kaedah ini boleh menyebabkan badan yang memiliki kuasa tersendiri seperti badan eksekutif bebas dari kuasa kerajaan yang rasmi. Badan-badan tersebut memiliki kuasa melebihi kuasa perundangan negara. Implikasinya, kapitalis politik dan kroni di Turki mempunyai kawalan bukan sahaja ke atas kelompok politik tetapi juga kawalan ke atas ekonomi masyarakat (Söyler, 2015). Przewoski (1988) menyifatkan modus operandi ini berlaku apabila rejim pemerintah membenarkan institusi demokratik berfungsi secara rasmi, tetapi punca kuasa atau institusi berkuasa di dalam negara kekal di bawah pengaruh *deep state* untuk campur tangan dalam pemerintahan negara yang tidak mengikut hala tuju yang dimahukan oleh *deep state* (Caliskan, 2017).

Modus operandi keempat adalah menggunakan konsep '*clientelism-patronage*' apabila *deep state* mempunyai kapasiti untuk membayar sesiapa sahaja terutamanya mereka yang berada di dalam struktur rasmi negara supaya bekerja bagi pihak mereka (O'Neil, 2017). Kaedah ini dikenali sebagai *clientelism*, di mana kesetiaan proksi diperoleh melalui duit atau ganjaran (O'Neil, 2017). *Deep state* turut memastikan aktor-aktor yang terlibat dalam jaringan mereka kekal terlibat di dalam aktiviti pentadbiran di dalam institusi-institusi rasmi kerajaan, sedangkan pada masa yang sama aktif menjalankan aktiviti gelap atau *shadow activities* yang memiliki kuasa veto secara tidak rasmi ke atas institusi negara (Mérieau, 2016).

Modus operandi kelima adalah sama seperti kaedah yang digunakan oleh organisasi jenayah terancang. Misalnya, *deep state* di Turki menggunakan kaedah yang biasanya digunakan oleh mana-mana organisasi jenayah seperti kaedah pembunuhan terancang, penculikan, provokasi, ugutan dan rasuah (Ertür, 2016).

Modus operandi *deep state* secara umumnya dapat dilihat terbahagi kepada dua spektrum berbeza. Faktor ini disebabkan oleh latar belakang negara yang berpunca daripada dominasi oleh punca kuasa yang berbeza. *Deep state* yang didominasi oleh kuasa autokratik seperti tentera dan diktator akan memperlihatkan modus operandi yang lebih keras, terutamanya kepada masyarakat awam dalam mencapai matlamat mereka. Model *deep state* yang dianggap wujud dalam negara yang lebih demokratik dan didominasi oleh kapitalis atau elit ekonomi pula memperlihatkan aplikasi modus operandi yang berkaitan dengan jenayah ekonomi seperti rasuah, ugutan, kronisme dan kleptokrat. Walaupun begitu, implikasinya tetap sama dari sudut mencapai matlamat dan kehendak *deep state* di dalam negara.

3.0 Tinjauan Konsep-konsep Lain yang Serupa dengan Deep State

Perbincangan konseptual *deep state* dari sudut definisi, struktur, jaringan dan modus operandi telah dibincangkan pada bahagian di atas. Walaupun begitu, perbincangan para sarjana mengenai *deep state* yang telah wujud mempunyai beberapa kelompongan dalam menjelaskan kerangka yang lebih besar di dalam persoalan 'kuasa di sebalik kuasa' dan 'daulah terpendam'. Oleh itu, kajian ini melihat beberapa konsep lain yang hampir sama dengan *deep state* dari sudut struktur, jaringan dan modus operandi iaitu *shadow state*, *chaebol*, *kongsi-triad* dan *secret societies*. Tujuannya adalah bagi melakukan perbandingan dan memperluaskan lagi kerangka *deep state* yang telah sedia ada.

3.1 Shadow State

Shadow state biasanya difahami sebagai satu konsep kerajaan yang tidak rasmi dan berperanan mengatur polisi dan dasar seperti kerajaan rasmi di sebalik tabir. Walaupun begitu, timbul persoalan adakah kuasa yang dimiliki oleh *shadow state* menyamai atau melebihi kuasa kerajaan rasmi? Selain itu, siapakah pihak yang menjadi peneraju utama kepada struktur *shadow state* ini dan apakah mekanisme dalam mengatur polisi dan dasar kerajaan rasmi mengikut kehendak mereka?

3.1.1 Definisi Shadow State


Shadow state merupakan konsep tentang kewujudan kuasa di sebalik kuasa yang terdapat dalam sesebuah kerajaan. Pada awalnya konsep *shadow state* atau kerajaan bayangan tidak difahami begitu, namun apabila kajian ini memperhalusi elemen lain seperti penumpuan sumber kuasa serta pengaruh, konsep dan pergerakan *shadow state* pada masa kini menggambarkan bahawa *shadow state* ialah kewujudan kuasa di sebalik kuasa bahkan melebihi autoriti kerajaan.

Definisi awal berkaitan *shadow state* merujuk kepada kewujudan sebuah entiti *para-state*. Ia terdiri daripada penglibatan organisasi-organisasi sukarela dari pelbagai industri dan sektor yang tidak dikawal selia atau diuruskan di luar norma kerajaan demokrasi atau negara, tetapi memegang tanggungjawab yang sebelum ini dipikul oleh institusi sektor awam (Wolch, 1990). *Shadow state* dilihat hanya terbatas kepada penglibatan pertubuhan sivil dan kesukarelawanan dalam pentadbiran sahaja. Melalui sumber kuasa seperti dana dan undang-undang, kerajaan bayangan mampu menentukan hala tuju dan tindak tanduk kerajaan rasmi (Trudeau, 2008). Dalam situasi ini, saiz pengaruh dan kuasa kerajaan bayangan menjadi lebih besar daripada saiz kerajaan secara rasmi. Ia juga membolehkan kerajaan lebih bebas dan keluar daripada proses *check and balance* dalam sebuah kerajaan demokrasi (Trudeau, 2008).

Namun begitu, konsep *shadow state* adalah lebih komprehensif, hasil daripada campur tangan entiti yang mempunyai kapasiti kuasa yang lebih besar, seperti syarikat korporat dan keluarga elit berbanding pertubuhan NGO dan sukarelawan semata-mata. Dapatan kajian Trudeau (2008) menunjukkan dalam sistem demokrasi yang membawa kepada limitasi kuasa kerajaan, wujud aktor atau entiti lain yang berupaya membina kapasiti kuasa melebihi apa yang dimiliki oleh kerajaan. Fenomena ini membawa kepada pentakrifan yang lebih kritikal terhadap maksud *shadow state* itu sendiri (Trudeau, 2008).

Definisi baharu kepada konsep *shadow state* ini melihat kepada bentuk kerajaan pemerintah yang tidak rasmi dan beroperasi di luar sistem rasmi kerajaan. *Shadow state* ini mempunyai kapasiti kuasa yang besar dalam menentukan keputusan kerajaan. Ia terbina secara berselindung di sebalik peraturan dan undang-undang serta institusi kerajaan. Ia juga merupakan koalisi pemerintahan oligarki dan birokrat yang mewujudkan bentuk pemerintahan tidak rasmi di luar norma demokrasi (Sopian, 2014). Dalam konteks ini, kuasa dan pengaruh yang dimiliki oleh kerajaan menjadi kecil manakala kuasa yang dimiliki oleh entiti tidak rasmi pula semakin meluas.

Teori berkenaan *shadow state* terbina melalui tiga konsep utama iaitu *local strongmen*, *political dynasty* dan hubungan *patronage-clientelism* seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1. *Local strongmen* ditakrifkan sebagai sebuah entiti penguasa yang memiliki jaringan perniagaan yang kuat yakni melebihi kapasiti negara serta mempunyai pengaruh jaringan strategik seperti jaringan ahli politik, birokrat, ketenteraan, polis serta media. *Shadow state* wujud apabila *local strongmen* menguasai titik punca kuasa di sesebuah daerah atau negara. *Political dynasty* merujuk kepada pendokong *local strongmen* yang terdiri daripada kekuatan ahli keluarga, kerabat dan kenalan terdekat. Mereka ini mendokong kewujudan elit tunggal yang menguasai politik pemerintahan melalui kaedah mewariskan kekuasaan kepada ahli keluarga atau kenalan terdekat (Djati, 2013). *Patronage clientelism* pula membincangkan mengenai hubungan antara pemimpin dan yang dipimpin melalui interaksi timbal balik pertukaran sumber daya (*exchange of resources*) yang dimiliki setiap pihak. *Patron* memiliki sumber daya kekuasaan, perlindungan dan sumber material manakala klien memiliki sumber tenaga, dokongan dan kesetiaan kepada *patron* (Istiqomah & Harsasto, 2017).



Rajah 1. Kerangka konsep *Shadow State*

3.1.2 Struktur dan Jaringan *Shadow State*

Aplikasi kepada konsep *shadow state* ini dilihat jelas dalam kerajaan Indonesia pasca kejatuhan Soeharto pada tahun 1998 yang membawa kepada ketidakstabilan Republik Indonesia. Peranan keluarga dalam pentadbiran dan politik tidak kelihatan terlalu jelas sebelum tahun 1998 disebabkan gaya pemerintahan autokratik Soeharto. Pada ketika itu, dinasti Soeharto dan kroninya terlalu berkuasa sehingga mana-mana pihak yang ingin menduduki posisi strategik negara memerlukan semacam bentuk perkenan daripada mereka (Sopian, 2014).

Namun begitu, kejatuhan Soeharto serta kelulusan undang-undang bagi mengadakan pilihanraya di peringkat tempatan pada tahun 2004 telah melonjakkan kewujudan entiti-entiti *local strongmen* dan dinasti keluarga dalam politik Indonesia. Mereka mula membina kekuasaan dan bersaing untuk mengabsahkan kuasa sehingga terbentuknya sebuah kuasa tidak rasmi di sebalik kerajaan Republik Indonesia (Sopian, 2014).

3.1.3 Modus Operandi *Shadow State*

Modus operandi *shadow state* di Indonesia boleh dilihat melalui kemunculan dinasti keluarga Sochibs di Banten, keluarga Limpos di Selatan Sulawesi dan keluarga Sjachroedins di Lampung. Mereka bukan sahaja terlibat dengan rasuah dan nepotisme, tetapi turut mengeksploitasi mekanisme pilihan raya bagi memonopoli kuasa politik dan kekayaan negara bagi tujuan peribadi sehingga menjerumuskan rakyat jelata ke dalam kancan kemiskinan. Bahkan, terdapat banyak lagi kaedah penguasaan yang dilaksanakan. Sebagai contoh, keluarga Sochibs di Banten yang diketuai oleh Chasan Sochibs merupakan oligarki tempatan yang paling berkuasa di Banten memiliki kekuatan persenjataan sejak tahun 1960 kerana pernah terlibat dalam pembekalan kawalan keselamatan kepada perdagangan jagung dan beras di Jawa dan Sumatra (Sopian, 2014).

Dinasti keluarga ini juga memiliki projek-projek pembangunan mega hasil hubungan kuat dengan pihak tentera dan pentadbiran Jawa Barat. Chasan Sochibs juga mengepalai kumpulan persenjataan dan persatuan seni bela diri yang terbesar di wilayah tersebut yang didakwa memiliki 500,00 ahli yang bertebaran di sekitar 15 buah daerah. Kemuncak kepada kuasa Sochibs ini adalah apabila beliau menjadi pengerusi kepada Persatuan Pendekar Persilatan dan Seni Budaya Banten-Indonesia (PPPSBBI) walaupun tidak secara rasmi mempunyai hubungan dengan parti Golkar tetapi parti tersebut telah meneruskan legasi dinasti keluarga Sochibs (Sopian, 2014).

3.2 Chaebol

Model *chaebol* atau dinasti keluarga yang memonopoli industri ekonomi ini memberi satu sudut pandang tentang bagaimana kapasiti sumber kuasa ekonomi boleh menjadi terlalu besar sehingga berada di luar kawalan negara. Persoalannya, apakah model *chaebol* ini boleh meluaskan kerangka kefahaman *deep state*? Bahagian ini membincangkan definisi, modus operandi, jaringan dan struktur *chaebol* yang wujud di Korea Selatan.

3.2.1 Definisi Chaebol

Dari sudut definisi, *chaebol* merupakan gabungan kepada perkataan *Chae* yang bermaksud kekayaan dan *bol* bermaksud suku. *Chaebol* dari sudut bahasa dimaksudkan dengan 'konglomerat Korea' yang terdiri daripada firma yang dikuasai oleh keluarga. Kadang-kala istilah *chaebol* juga digunakan bagi menggambarkan kelompok elit ekonomi, perniagaan industri gergasi, dan gergasi kapitalis (Albert, 2018).

3.2.2 Struktur Chaebol

Chaebol diketuai oleh seorang *Chongsu* yang memegang keputusan akhir kepada syarikat konglomerat walaupun tanpa jawatan dan pemilikan saham. *Chaebol* wujud dalam bentuk dinasti perniagaan yang terdiri daripada 30-50 syarikat persendirian. Walaupun begitu, daripada bilangan yang banyak ini, syarikat induk *chaebol* merupakan kekuatan ekonomi sebenar dinasti ini. Antara ciri-ciri *chaebol* yang menjadi kayu ukur kepada model ini adalah pemilikan keluarga, kawalan dan pengurusan yang sangat meluas dan pelbagai tetapi berada di bawah kesatuan kawalan entiti tunggal (Boje & Toh, 2006).

3.2.3 Jaringan Chaebol

Di Korea Selatan terdapat sekitar 100 *chaebol* tetapi hanya empat konglomerat merupakan *chaebol* terbesar iaitu syarikat Samsung Group, SK Group, Hyundai Motor dan LG. Empat *chaebol* ini menguasai 70% pasaran modal Korea Selatan tetapi mengupah kurang 12% daripada tenaga buruh dalam ekonomi Korea Selatan (Albert, 2018). Mereka mengawal banyak jaringan perniagaan dan industri utama daripada komoditi, teknologi, pembuatan sehinggalah ke sektor ketiga seperti kesukarelawanan, organisasi tidak berteraskan keuntungan serta kerjasama yang melibatkan badan awam. Model konglomerat jaringan perniagaan yang dimiliki oleh dinasti keluarga ini bukanlah sebuah model asing tetapi ia juga muncul di beberapa negara seperti Jepun yang dipanggil '*Keiretsu*' (T. A. Seng, 2017). Negara-negara Asia lain seperti Hong Kong, Taiwan dan Singapura turut dilaporkan mempunyai dinasti perniagaan dengan format yang sama (Albert, 2018).

3.2.4 Modus Operandi Chaebol

Pada fasa awal pembentukan *chaebol* ketika pra-kemerdekaan, mereka sangat bergantung kepada negara untuk berkembang dan membina empayar perniagaan mereka. Polisi *Import-substitution industrialization* (ISI) dan pilih kasih atau favouritisme kerajaan terhadap industri *chaebol* membolehkan *chaebol* membangun dengan baik (Kuk, 1988). *Chaebol* berkembang dan membina kekuatan ekonomi dengan mendapat perlindungan, sokongan dan favouritisme kerajaan tentera pada ketika itu. Sejak itu, *chaebol* mula membangunkan kapasiti kekuatan ekonomi sehingga mencapai tahap di luar kawalan kerajaan lantas mempengaruhi secara kritikal sektor politik, sosial dan kebudayaan Korea Selatan (Boje & Toh, 2006).

Pendemokrasian Korea Selatan membawa dominasi *chaebol* dalam ekonomi secara meluas dan berlanjutan sehingga berakhirnya proses tersebut di Korea Selatan (T. A. Seng, 2017). *Chaebol* mengekalkan monopoli dan dominasi penggerak utama industri dan penjaan kapital dengan menekan industri kecil dan sederhana (SMEs) serta mengeksploitasi hasil inovasi dan kajian SMEs. Sistem korporat, akta korporat dan elemen-elemen demokrasi tidak terpakai terhadap *chaebol*. Selain itu, konsep korporat moden yang turut menilai syarikat korporat sebagai entiti awam memberi ruang yang besar untuk syarikat ini memiliki harta persendirian dengan skala yang besar melalui penjaan

kapital gergasi jika ingin dibandingkan dengan entiti awam yang sebenar. Dominasi *chaebol* dalam ekonomi membawa kepada gelaran '*an absolute monarchy*' di Korea Selatan (Boje & Toh, 2006).

Modus operandi *chaebol* juga tertumpu kepada memastikan kelangsungan tenaga baru dan berpotensi dalam lingkungan mereka. Kaedah yang dilakukan adalah dengan pembentukan dinasti keluarga dan merekrut tenaga sumber manusia yang lain. Mekanisme ini bermula melalui jaringan institusi pendidikan di mana jawatan eksekutif sangat bergantung kepada lepasan institusi pendidikan tinggi bahkan juga di fasa sekolah. Pengambilan jawatan eksekutif diutamakan daripada institusi pendidikan seperti Kyunggi High School dan Universiti Kebangsaan Seoul. Graduan tiga buah universiti berprestij seperti Universiti Kebangsaan Seoul, Universiti Yonsei dan Universiti Korea mewakili sebanyak 84% dari keseluruhan jawatan eksekutif *chaebol*. 60% jawatan pengurusan tertinggi dalam syarikat *chaebol* terdiri daripada bukan ahli keluarga manakala hanya kurang dari 10% sahaja yang merupakan ahli keluarga. Walaupun begitu *chaebol* masih lagi meletakkan ahli keluarga sebagai pusat kepada dinasti ekonomi *chaebol* (Boje & Toh, 2006).

Chaebol memiliki hubungan langsung dengan kerajaan rasmi. Kerajaan Korea selatan mempunyai hubungan simbiotik yang lama dengan *chaebol*. Ramai pimpinan Korea yang sering mengaitkan kejayaan *chaebol* dengan kekayaan yang dimiliki oleh Korea Selatan pasca perang yang memisahkan Korea menjadi dua (Albert, 2018). Namun begitu, terdapat juga pandangan yang mula mengukur adakah hubungan ini bersifat simbiotik semata ataupun jika dilihat dari sudut kapasiti kuasa, kekuatan pengaruh *chaebol* sudah menjadi terlalu besar.

Sebagai respon kepada perluasan kuasa *chaebol* dalam ekonomi dan politik, pentadbiran, serta sosial, kerajaan Korea telah menggunakan institusi perundangan sebagai sebuah strategi baru untuk mengawal *chaebol*. Bagaimanapun, perubahan kawalan kuasa daripada politik kepada perundangan ini membuatkan *chaebol* mengadaptasi strategi baru bagi mempertahankan kehendak dan kepentingan mereka dengan melebarkan pengaruhnya kepada institusi kehakiman pula (T. A. Seng, 2017). *Chaebol* telah merekrut kelompok penjawat awam dan bekas hakim sebagai langkah membina kuasa perundangan. Usaha ini turut dibuat secara rasmi di mana *chaebol* telah melantik ramai peguam atasan dan bekas hakim sebagai ahli lembaga, penasihat dan peguam yang akan mewakili *chaebol* dalam kes-kes yang melibatkan *chaebol* di mahkamah. Bekas hakim ini juga memiliki hubungan dan jaringan yang luas dengan hakim lain yang terlibat dalam kes mahkamah yang mengadili *chaebol*. *Chaebol* menggunakan bekas hakim ini sebagai pelobi supaya memberikan keputusan kehakiman yang memihak kepada *chaebol* (T. A. Seng, 2017).

Chaebol juga mengambil inisiatif menubuhkan majlis audit bagi proses audit secara menyeluruh kerana undang-undang Korea meletakkan mana-mana firma (tidak termasuk *affiliate company*) yang memiliki aset sebanyak KRW 7 trillion untuk berbuat demikian. *Chaebol* melantik bekas pegawai kerajaan yang memiliki pengetahuan yang khusus mengenai peraturan kewangan Korea Selatan sebagai juruaudit bagi mengukuhkan proses audit dalaman bagi melindungi salah laku kewangan dan jenayah kolar putih yang berlaku (T. A. Seng, 2017). Lantikan pegawai-pegawai ini turut membantu *chaebol* dalam dasar-dasar yang menguntungkan *chaebol* tanpa dikesan dengan mudah oleh kerajaan (T. A. Seng, 2017).

3.3 Kongsi-Triad

Kongsi atau kongsi gelap dan *triad* adalah konsep yang sering dikaitkan dengan masyarakat Cina, termasuklah di Malaysia. Persoalannya, adakah konsep yang lama ini masih berterusan sehingga ke hari ini? Selain itu, bagaimanakah organisasi *kongsi-triad* ini memberi implikasi kepada dasar dan polisi di dalam negara sama ada dari sudut ekonomi, pentadbiran dan keselamatan? Siapakah pihak yang terlibat mengetuai gerak kerja dan modus operandi organisasi ini?

3.3.1 Definisi Kongsi dan Triad

Kongsi merupakan sebuah konsep sosio-politik masyarakat Cina di Asia sama ada di tanah besar China, mahupun negara-negara yang dihuni oleh diaspora Cina di serata dunia. Kebanyakan sarjana Barat memberikan maksud *kongsi* sebagai perkumpulan, syarikat kerjasama, atau kumpulan politik yang besar di kawasan perlombongan melibatkan petani dan pelombong Cina (Wang, 1977). Namun

begitu, definisi *kongsi* yang lebih luas dalam menggambarkan hakikat sebenar sosio-politik masyarakat Cina adalah sebagai '*open government*' atau sebuah pemerintahan kerajaan terbuka (Wang, 1977). *Kongsi* di Asia Tenggara menggambarkan suatu bentuk pemerintahan dan pentadbiran di dalam masyarakat Cina. Sebahagian besar institusi pentadbiran masyarakat Cina pada kurun ke-19 menggunakan istilah *kongsi*. Di Tanah Melayu sebelum kemerdekaan, masyarakat Cina memberi taat setia kepada ketua-ketua pertubuhan *kongsi* mereka dan bukannya kepada Sultan Melayu mahupun British (Purcell, 1951).

Konsep lain yang memiliki kaitan rapat dengan *kongsi* adalah *triad*. Konsep ini menggambarkan suatu bentuk perkumpulan *kongsi* yang terlibat dengan jenayah bersifat militia. Antara nama lain yang digunakan adalah *secret societies* ataupun *hui* iaitu pertubuhan yang bersifat persaudaraan. Berdasarkan sejarah, kumpulan *secret societies* ini telah bermula sejak zaman Dinasti Beraja di China lagi. Tujuan pertubuhan ini adalah bagi menumbangkan Dinasti Qing di China. Pertubuhan ini digunakan oleh ketua-ketua revolusi di China seperti Sun Yat Sen sebagai angkatan tentera militia untuk meruntuhkan Dinasti Qing (Purbrick, 2019).

3.3.2 Struktur dan Jaringan Kongsi-Triad

Kongsi diketuai oleh seorang *Kapitan* yang dilantik oleh majlis pemerintah. Majlis pemerintah itu dianggotai oleh beberapa orang *Kapitan* di peringkat struktur yang lebih rendah. Hubungan sesama *kongsi* pula dibentuk atas dasar persaudaraan atau *brotherhood* yang diikat dengan ritual-ritual tertentu (Purbrick, 2019).

Struktur *triad* dapat dilihat dalam model kongsi gelap Ghee Hin dan Hai San di Tanah Melayu. Organisasi kongsi gelap ini memiliki kekuatan persenjataan dan ketenteraan yang memenuhi indikator sebuah *triad*. Selepas diharamkan oleh British, kumpulan-kumpulan ini berevolusi kepada pelbagai bentuk organisasi termasuklah pertubuhan kebudayaan Cina, dewan perniagaan Cina, syarikat-syarikat perniagaan dan parti-parti politik. Walaupun begitu, ciri-ciri *triad* di dalam *kongsi* yang berevolusi ini masih dikekalkan. Selain itu, terdapat juga kerjasama antara organisasi *triad* dengan perniagaan dan parti politik dalam menjaga kepentingan dan keselamatan masing-masing (Mak, 2019).

Struktur pemerintahan masyarakat Cina pada hari ini masih dianggap kekal dalam kerangka pentadbiran yang asal walaupun telah wujud pelbagai parti politik dan sistem pentadbiran kerajaan di peringkat negeri dan persekutuan. Namun begitu, kesetiaan masyarakat Cina masih dilihat terikat dengan kumpulan-kumpulan *kongsi* ini sama ada secara terbuka mahupun secara rahsia (Purbrick, 2019). Hari ini, struktur organisasi *triad* disifatkan sebagai sebuah struktur organisasi yang bersifat dinamik, mempunyai hierarki berbentuk piramid dan dipimpin oleh seorang ketua yang mempunyai gelaran seperti 'Kepala Naga'. Struktur *triad* ini juga dilihat berbentuk *loose cartel* yang memiliki hubungan persaudaraan dan struktur jaringan seperti sarang labah-labah bagi tujuan rekrutmen kepada individu di luar struktur mereka (Lo & Kwok, 2013).

3.3.3 Modus Operandi Kongsi-Triad

Modus operandi kumpulan *kongsi-triad* pada masa kini bersifat antarabangsa dan merentas sempadan rasmi antara negara (transnasional). Kumpulan ini tidak hanya terhad kepada aktiviti *underworld* atau subversif semata-mata, tetapi juga terlibat dalam *grey activities* yang berbentuk syarikat untuk mendapatkan penguasaan dalam ekonomi (Chu, 2000). Kumpulan ini memberikan rasuah kepada pegawai-pegawai dalam pentadbiran kerajaan dan ahli politik bagi meneruskan kelangsungan aktiviti jenayah mereka. Kumpulan ini juga memiliki kapasiti untuk memberikan perlindungan keselamatan yang setanding dengan institusi tentera kepada ahli-ahli perniagaan dan syarikat-syarikat swasta (Xia, 2008).

3.4 Secret Societies

Para sarjana tidak menyatakan secara jelas berkenaan rupa bentuk, peranan dan implikasi *secret societies*. Bagaimanapun, *secret societies* seperti *Freemason* dan *Fabian Society* dilihat mempunyai peranan dan implikasi yang ketara terutamanya dalam lipatan sejarah Malaysia semasa zaman kolonial. Persoalannya, apakah peranan sebenar *secret societies* di dalam pergerakan *deep state* dalam sesebuah negara?

3.4.1 Definisi dan Konsep Secret Societies

Secret societies didefinisikan berdasarkan sudut pandang jaringan sosial sebagai sebuah corak perhubungan yang berterusan yang menghubungkan ahli secara langsung atau tidak langsung dengan aktiviti-aktiviti rahsia yang berkaitan (Erickson, 1981).

Pertubuhan rahsia *Freemason* telah wujud sejak tahun 1717 lagi, dan merupakan hasil daripada gerakan *Enlightment* di Eropah (Deschamps, 2017). Perkembangan dan penyebaran *Freemason* berkait rapat dengan proses kolonialisasi oleh kuasa imperialis Barat seperti British, Belanda dan Perancis ke atas negara-negara di Afrika, Timur Tengah dan Nusantara (Harland-Jacobs, 2013). Hubungan erat di antara kolonial British dan gerakan *Freemason* adalah disebabkan oleh manfaat yang diperoleh secara bersama.

Ideologi *cosmopolitan fraternalism* merupakan salah satu teras utama di dalam gerakan *Freemason*. Ideologi ini diterapkan di dalam empayar British dari sudut struktur, falsafah dan ideologi teras di dalam *Freemason*. Ideologi ini menjadikan kelompok manusia daripada pelbagai bangsa dan latar belakang memiliki ikatan dan rasa tanggungjawab sesama mereka melalui perkongsian pengalaman dalam ritual (Harland-Jacobs, 2013). Ideologi ini menjadikan *Freemason* meletakkan aktor-aktor yang telah direkrut ke dalam struktur imperialis seperti British. Selain itu, ideologi ini juga menjadi faktor yang menarik elit-elit tempatan ke dalam gerakan *Freemason*.

Konsep *informal empire* atau *informal imperialism* yang menekankan model perluasan kuasa negara dalam bentuk tidak rasmi dan melangkaui kuasa sesebuah kerajaan juga berkait rapat dengan gerakan *Freemason*. Konsep ini digunakan oleh *Freemason* untuk mengukuhkan kedudukan mereka di dalam empayar British, meluaskan pengaruh di luar batas kerajaan dan mengasimilasikan idea dan struktur mereka ke dalam tanah jajahan empayar. Osterhammel (1986) mencadangkan beberapa ciri-ciri asas *informal empire*:

1. Dominasi kuasa oleh negara kuat ke atas negara lemah yang membolehkan berlakunya eksploitasi demi kepentingan negara kuat.
2. Penguasaan negara kuat ke atas negara lemah tidak berlaku secara langsung, tetapi melalui kuasa veto terhadap dasar dan polisi domestik serta campur tangan kepada usaha mengubah status quo.
3. Negara kuat menentukan asas polisi luar dan antarabangsa bagi negara lemah.
4. Dominasi dan pengaruh institusi ketenteraan negara kuat ke atas institusi ketenteraan negara yang lemah secara langsung melalui penubuhan tentera mahupun secara tidak langsung melalui bantuan dan nasihat ketenteraan.
5. Warganegara negara kuat mengekalkan pegangan ekonomi yang besar di negara lemah dalam bentuk industri sehinggalah syarikat antarabangsa.
6. Monopoli asing dalam sektor ekonomi negara lemah sehingga keputusan ekonomi asas mengenai peruntukan dan pengagihan sumber dalam sektor ekonomi ini dilakukan oleh orang asing
7. Kawalan bank kerajaan atau bank swasta asing ke atas kewangan awam di negara lemah yang boleh digunakan untuk menguatkuasakan pematuhan politik

8. Negara lemah merupakan penerima bersih modal
9. Penguasaan negara kuat ke atas negara lemah disokong oleh kolaborasi antara pemerintah pribumi dan kumpulan komprador
10. Pribumi yang bersubahat berkongsi 'kosmologi' yang sama dengan kumpulan politik dan ekonomi dalam negara kuat

Pertubuhan rahsia *Fabian Society* pula diasaskan pada tahun 1884 di London sebagai sebuah badan *think tank* politik bagi sosialisme-komunis dan kapitalis. Organisasi ini memiliki penglibatan rapat dengan pemegang-pemegang saham Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) yang terlibat dalam monopoli kapitalisme pada zaman kolonialisme. Selain itu, ramai kelompok pemikir, ahli politik dan perdana menteri British daripada Parti Buruh memiliki perkaitan rapat dengan organisasi ini (Wilkinson & Pickett, 2014).

Menjelang tahun 1903, tokoh-tokoh Fabian seperti Bernard Shaw dan Sidney Webb mula mengangkat idea '*The New Republic*' yang dibawa oleh H.G. Wells, yang juga seorang Fabian. *The New Republic* bermatlamat mendirikan satu negara atau orde dunia yang menggunakan set perundangan, piawai, bahasa, pemerintahan dan struktur kenegaraan yang sama (Wells, 2018). *The New Republic* ini akan digerakkan oleh organisasi yang dianggotai oleh elit ekonomi dan bersifat rahsia, serta mempunyai keupayaan mengawal kerajaan-kerajaan rasmi negara (Partington, 2008). Menurut Wells lagi, idea *The New Republic* yang terserlah ini adalah seperti *secret society*, di mana tokoh-tokoh negara boleh terlibat dengan organisasi tersebut secara terbuka (Wells, 2018). *The New Republic* ini juga akan membawa wajah *Freemason* yang terbuka tetapi masih mengekalkan pengaruh dan kawalan terhadap kerajaan yang rasmi (Wells, 2018).

3.4.2 Struktur dan Jaringan Secret Societies

Secret societies memiliki struktur yang berterusan, mempunyai pemisahan dalam bentuk hierarki dan cabang-cabang yang berada di bawah struktur yang berpusat. Ahli-ahli di peringkat bawahan tidak mempunyai akses kepada maklumat dan keistimewaan-keistimewaan tertentu seperti yang dimiliki oleh ahli-ahli di peringkat yang lebih tinggi. Ahli-ahli yang berada di hierarki yang sama pula memiliki akses yang sama antara mereka (Erickson, 1981).

Jaringan yang wujud antara *Fabian Society* dengan kelompok luar adalah bersifat global dan tidak terhad kepada institusi strategik di dalam negara sahaja. *Fabian Society* memiliki hubungan dan jaringan dengan SHTI apabila sebahagian besar pemegang saham SHTI menjadi penyumbang terbesar kepada organisasi Fabian menjelang tahun 1873. Contohnya, John Stuart Mill memiliki hubungan rapat dengan bapa kepada Beatrice Webb yang merupakan ahli teras *Fabian Society*. Idea ekonomi Mill terutamanya penulisan *Principle of Political Economy* (1848) telah banyak mempengaruhi gagasan ekonomi Webb (Cassivellaunus, 2013).

Fabian Society juga memiliki jaringan dengan kelompok elit global seperti Sir Arthur Balfour, Lord Rosebery, Julius Wernher dan Lord Rothschild hasil peranan yang dimainkan oleh Beatrice Webb dan Richard Haldane (Wells, 2018). Selain itu, '*The Big Four*' yang merupakan kelompok elit di dalam *Fabian Society* iaitu Sidney Webb, Beatrice Webb, Graham Wallas dan Bernard Shaw memiliki hubungan kekeluargaan atau persahabatan dengan kapitalis Yahudi seperti William Waldorf Astor (Martin, 1966). Peranan elit Yahudi ini diiktiraf oleh tokoh akademik seperti Joseph A. Schumpeter yang menyifatkan kejayaan Sosialisme adalah disebabkan oleh kelompok ini (Schumpeter, 1942).

3.4.3 Modus Operandi Secret Societies

Modus operandi *Freemason* bertumpu kepada dua sasaran iaitu empayar British dan rakyat tempatan yang dijajah kuasa kolonial itu sendiri. *Freemason* menyusup masuk ke dalam empayar British melalui

pelbagai kaedah seperti pegawai kolonial *Freemason* dan *Provincial Grand Master* yang berperanan memasukkan unsur *Freemason* ke dalam empayar tersebut (Harland-Jacobs, 2014).

Freemason menggunakan hubungan silang budaya oleh kuasa imperialis dan masyarakat tempatan bagi menerapkan idea-idea mereka dalam struktur kekeluargaan, institusi agama, kemasyarakatan, etnik serta fraterniti ke dalam tanah jajahan (Harland-Jacobs, 2014). Strategi ini memberi implikasi yang lebih besar kepada masyarakat tempatan yang dijajah berbanding eksploitasi ekonomi semata-mata. Contohnya, di India, *Freemason Lodge* dibina untuk mendekatkan masyarakat tempatan dan pegawai kolonial British dengan kehidupan masyarakat Barat. Selain *lodges*, *Freemason* juga membuka *coffee house*, *punch house* dan kelab-kelab yang bertujuan mewujudkan persekitaran *anglosphere* (Deschamps, 2017).

Freemason telah menggunakan *lodges* dan platform lain yang mereka tubuhkan di tanah jajahan untuk merekrut kelompok elit yang strategik dalam kalangan rakyat tempatan. Buktinya, antara ahli terawal bukan berbangsa Eropah dalam *Freemason* adalah terdiri dari kalangan kerabat raja di Asia Selatan, ketua puak Red Indian Amerika dan duta-duta dari Parsi (Harland-Jacobs, 2014). *Freemason lodges* yang dibuka di tanah jajahan imperialis telah dijadikan pintu masuk kepada rekrutmen elit tempatan seperti yang berlaku di Surabaya apabila Sultan Kerajaan Kutei dan tiga puteranya menyertai *Freemason*. Selain itu, *Freemason* dari etnik Jawa yang pertama pada tahun 1844 di tanah jajahan Belanda adalah daripada kerabat Kesultanan Pontianak (Harland-Jacobs, 2014). Antara faktor penarik kelompok elit tempatan ke dalam *Freemason* adalah kerana lebih memudahkan mereka bernegosiasi dengan empayar British (Karpel & College, 2001).

Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) turut membuka *regimental lodges* di Tanah Melayu untuk askar-askar *Freemason* di dalam syarikat tersebut. *Lodges* tersebut telah digunakan sebagai pusat merekrut elit-elit tempatan di Tanah Melayu. Misalnya, rekrutmen *Freemason* terhadap kerabat diraja Kedah iaitu Tunku Abdul Malik ibni Sultan Badlishah berjaya apabila baginda menyertai *Freemason* dengan no keahlian 3830 E.C di bawah *Freemason Lodge* di Sungai Petani pada tahun 1959 (Excelsior, 2021). Baginda merupakan adik kepada Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim ibni Sultan Badlishah dan menjadi ahli *Freemason* selama 20 tahun serta masih memiliki hubungan rapat dengan ahli-ahli yang lain. Gerakan *Freemason* juga seolah-olah menerima keistimewaan apabila kerahsiaan keahlian, simbol dan aktiviti di dalam gerakan tersebut tidak diganggu gugat oleh kerajaan (Ishak, 1977).

Objektif rekrutmen terhadap elit tempatan ini pada awalnya bertujuan memudahkan negosiasi oleh kuasa kolonial dengan pemimpin tempatan di wilayah jajahan mereka demi menjaga kepentingan kolonial. Namun, objektif ini dilihat berkembang dalam bentuk mengasimilasikan struktur, sistem dan ideologi *Freemason* ke dalam asas kebangsaan serta negara yang dijajah (Karpel, 2001). Contohnya, Jose Rizal, tokoh kemerdekaan Filipina, telah direkrut ke dalam *Freemason* di Sepanyol sebelum beliau menubuhkan Liga Filipina yang mengambil format dan struktur *Freemason*. Legasi *Freemason* di sana berterusan menerusi peranan ahli *Freemason* yang menubuhkan *Katipunan* (organisasi perjuangan merdeka Filipina) dan menyusupkan ritual, simbol dan struktur masonik ke dalam politik (hierarki dan upacara rasmi) serta budaya Filipina (Karpel, 2001).

Fabian Society pula menggunakan idea sosialisme sebagai *counter ideology* kepada kapitalisme dengan mempromosikan perubahan radikal kepada ketamadunan Barat melalui *Socialist Utopianism* (Leopold, 2007). *Fabian Society* juga memilih perubahan secara bertahap dan perlahan, mengambil jangka masa yang panjang melalui penyamaran dan penyusupan terancang ke dalam institusi yang strategik. *Fabian Society* aktif dalam melibatkan ideologi dan gagasan mereka ke dalam institusi-institusi yang menjadi elemen penting pembangunan negara yang disasarkan. Di United Kingdom, Parti Buruh, London School of Economic (LSE) dan majalah politik *New Statesman* memiliki hubungkait rapat dengan *Fabian Society*.

Di Malaysia, terdapat beberapa modus operandi penyusupan agenda Fabian dalam dasar dan polisi negara. Strategi rekrutmen *Fabian Society* terhadap kelompok elit Melayu adalah menerusi sistem pendidikan elit yang diwujudkan oleh kolonial British pada fasa penjajahan di Tanah Melayu. Pendidik di Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK), Anthony Burgess, kerap membawa idea-idea yang diambil daripada George Orwell. Ini termasuklah tulisan Orwell di dalam buku *Nineteen Eighty Four* yang ditulis pada tahun 1949, yang membayangkan situasi selepas perang dunia, dimana negara kuasa besar

(*Superstates*) akan memecah belahkan negara-negara lain menjadi beberapa rantau negara. Anthony Burgess memiliki kaitan secara langsung dengan *Fabian Society* selepas diperkenalkan secara langsung oleh Aldous Huxley, yang juga seorang Fabian pada tahun 1938 (The International Anthony Burgess Foundation, 2011a).

Anthony Burgess mempunyai ramai anak didik yang menjadi tokoh-tokoh tempatan di rantau Asia Tenggara. Contohnya adalah seperti Yusof Ishak, Presiden pertama Republik Singapura, Mustapha Harun, Gabenor pertama Sabah dan Haji Mokhtar, seorang tokoh sufi di Tanah Melayu. Beliau turut memiliki anak didik yang menjadi pegawai tinggi British di Tanah Melayu iaitu Sir Thomas Shenton Whitelegge, Gabenor British terakhir di Negeri-negeri Selat (The International Anthony Burgess Foundation, 2011b).

Fabian Society juga melakukan rekrutmen terhadap bakal pemimpin Tanah Melayu seperti Tun Abdul Razak. Beliau adalah Perdana Menteri Malaysia yang kedua serta merupakan arkitek utama kepada Dasar Ekonomi Baru (DEB) (Khoo, 2012). Hubungan Tun Abdul Razak dan *Fabian Society* serta Parti Buruh bermula sejak beliau menuntut ilmu undang-undang di Lincoln's Inn, England (Gould, 1969). Beliau disifatkan sebagai seorang yang terpengaruh dengan ideologi demokratik sosialis dan meminati aspek-aspek perancangan negara. Tun Abdul Razak turut bertanggungjawab memperkenalkan Tunku Abdul Rahman kepada Parti Buruh sehingga beliau dilatih dengan kaedah-kaedah berkempen politik oleh organisasi tersebut. Mereka berdua turut terlibat dalam *Malay Society* semasa di England.

Oleh itu, tidak menghairankan apabila campur tangan oleh *Fabian Society* dalam polisi negara berlaku ketika era Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak memegang jawatan Perdana Menteri. Parti Buruh yang rapat dengan *Fabian Society* telah mendanai perbelanjaan Tunku Abdul Rahman dalam rundingan kemerdekaan negara. Manakala DEB pada era Tun Razak juga memaparkan campur tangan secara tidak langsung *Fabian Society* dalam polisi negara. Antara arkitek utama di dalam pelaksanaan DEB ini adalah James Puthucheary, seorang sosialis-marxisme yang dilantik ke dalam Majlis Perpaduan Nasional. Beliau kemudiannya telah menerapkan visi campur tangan kerajaan dalam membentuk pemilikan bangsa Melayu terhadap modal sebagai kerangka pengindustrian Malaysia (G. Q. Seng, 2017). Selain itu, penyertaan sekutu Tun Razak yang berfahaman sosialis seperti Abdullah Ahmad dan Abdullah Majid mengukuhkan lagi elemen sosialisme dalam kerangka DEB (Yang, 2016).

Modus operandi *Fabian Society* yang lain termasuk penyusupan ke dalam parti politik demokratik sosialis seperti Parti Tindakan Demokratik (DAP) di Malaysia. Terdapat calon-calon parlimen DAP seperti Richard Ho dan Walter Loh yang dilihat mewakili kelompok sayap *Fabian Society* di dalam parti tersebut (Hock, 1980). Selain itu, penyertaan DAP di dalam *Socialist International* tidak jauh berbeza dengan kerangka sosialis dalam visi *Fabian Society*.

4.0 Perbincangan

Jadual 1 menunjukkan ringkasan berkenaan konsep, struktur, jaringan dan modus operandi bagi teori *deep state*, *shadow state*, *chaebol*, *kongsi-triad* dan *secret society*. Setelah membuat pemerhatian, perbincangan *deep state* dalam literatur sedia ada memerlukan penambahbaikan terhadap kerangka konsep sedia ada dari sudut definisi, elemen utama, struktur, modus operandi dan lain-lain. Hal ini kerana perbandingan konteks model *deep state* yang wujud di beberapa buah negara, serta pertimbangannya dengan konsep lain yang turut membincangkan perihal kuasa yang terpendam atau kuasa di sebalik kuasa boleh membawa kepada perbincangan yang lebih konstruktif terhadap kerangka konsep *deep state*.

Terdapat beberapa persamaan antara konsep *deep state* dan juga konsep-konsep lain yang serupa seperti *shadow state*, *chaebol*, *kongsi-triad* dan *secret societies*. Hampir kesemua konsep yang dibincangkan dalam literatur ini menunjukkan kewujudan entiti yang tidak rasmi yang memiliki kuasa yang setara atau melebihi kuasa kerajaan rasmi di sebuah negara. Kebanyakannya muncul apabila negara berada dalam fasa krisis samada krisis demokrasi yang tidak stabil ataupun fasa transisi negara autokratik ke negara demokrasi. Hal ini boleh difahami kerana perubahan sistem dan struktur negara turut mengesani kelompok yang sedang cuba membina dan mempertahankan kuasa mereka.

Perbincangan mengenai struktur *deep state* masih sedikit dalam literatur tetapi dapat memberikan gambaran tentang kewujudan hierarki kuasa yang tersusun. Konsep lain yang membincangkan tentang kuasa seumpama ini turut membawa sudut pandang bahawa adanya struktur yang bersifat hierarki, piramid dan pendekatan atas ke bawah dalam pelaksanaannya. Struktur kuasa terpendam ini bersifat teratur dan merupakan struktur penguasaan dalam membina legasi kuasa yang setara dengan kuasa negara.

Namun begitu, setiap konsep kuasa dalam perbincangan ini juga melibatkan faktor dokongan utama seperti kekuatan dinasti keluarga atau penglibatan organisasi *secret societies* sebagai teras utama kepada legasi kuasa. Model *deep state* yang ditunjukkan dalam literatur hanya menyentuh berkenaan institusionalisme dan hubungannya dengan punca kuasa yang lain tetapi tidak menyentuh secara jelas perihal kumpulan teras yang menjadi pendukung utama kepada *deep state*.

Selain itu, perbincangan mengenai struktur *deep state* tidak membincangkan tentang pemimpin atau ketua tertinggi dengan jelas berbanding konsep-konsep lain yang menyebut tentang pemimpin seperti *chongsu*, *local strongmen* dan *Kapitan*. Mereka ini memegang keputusan akhir dalam tindak tanduk struktur yang dikuasai oleh mereka. Tidak keterlaluan untuk mengatakan secara logik, rasional dan semula jadi bahawa mana-mana organisasi, sistem, atau kumpulan mesti mempunyai entiti tertinggi yang memegang autoriti keputusan akhir. Perbincangan dalam literatur *deep state* yang diperhatikan dalam konteks negara-negara seperti Amerika Syarikat, Turki, Mesir, Pakistan, dan Thailand adalah terhad kerana wujud limitasi dan kekangan maklumat kepada kajian dalam konteks ini disebabkan pendekatan *deep state* yang bersifat rahsia dan berselindung.

Antara kelompongan utama dari sudut struktur dan jaringan dalam kesemua konsep berkaitan kuasa terpendam yang dibincangkan dalam literatur adalah tiada keterikatan atau hubungan dengan kepelbagaian aktor-aktor daripada luar negara atau institusi antarabangsa. Aktor dan institusi ini terlibat dengan konflik kuasa di peringkat yang lebih besar, dengan kerencaman dimensi, kem, blok serta memiliki kepentingan di peringkat tempatan. Justeru, kajian di masa hadapan boleh menghubungkan konsep kuasa terpendam yang ada di sesebuah negara dengan kuasa dari luar negara.

Dari sudut modus operandi, setiap konsep kuasa ini memiliki autoriti yang besar dalam menentukan hala tuju masyarakat dan turut mempengaruhi tindak-tanduk negara. Hal ini terjadi apabila kuasa yang dimiliki oleh aktor *deep state* ini berupaya membeli kesetiaan ketua masyarakat, rakyat, kem politik, dan kelompok penjawat awam yang strategik melalui hubungan *patron* dan *client*. Namun, terdapat kelompongan dalam literatur *deep state* dalam memperincikan modus operandi *deep state* iaitu dari sudut pemilihan konteks kajian. Kebanyakan kajian mengkaji *deep state* di negara-negara autokratik atau memiliki kuasa ketenteraan dan kepolisan yang kuat seperti Amerika Syarikat, Turki, Mesir, Pakistan dan Thailand. Oleh itu, banyak modus operandi yang dijalankan bersifat kekerasan, paksaan dan pertembungan fizikal. Kajian di masa hadapan boleh meneliti lebih lanjut pendekatan *deep state* yang bersifat *subtle* atau lunak dalam usaha mengawal sumber kuasa di negara-negara yang berteraskan ekonomi dan perindustrian.


Jadual 1. Ringkasan Konsep, Struktur, Jaringan dan Modus Operandi Setiap Teori

	<i>Deep state</i>	<i>Shadow State</i>	<i>Chaebol</i>	<i>Kongsi-Triad</i>	<i>Secret Societies</i>
Konsep	- Jaringan rahsia antara institusi kerajaan dan bukan kerajaan - Memiliki autonomi dan kuasa tersendiri - Institusi negara yang diluar kawalan kerajaan. '<i>Tutelage</i>' yang melindungi <i>deep state</i> daripada undang-undang	- Dinasti keluarga yang memiliki kapasiti kuasa negara - Diketuai oleh seorang <i>local strongmen</i> sebagai entiti penguasa tunggal - Memiliki hubungan <i>patronage clientalism</i> yang membawa kesetiaan rakyat kepada dinasti keluarga	Jaringan syarikat konglomerat yang dikuasai oleh keluarga yang mempunyai monopoli dan dominasi terhadap kuasa industri negara	- Kongsi - bentuk kerajaan/pemerintahan yang mentadbir dan menjaga masyarakat Cina dibentuk dari "persaudaraan" dan taat setia sesama ahli <i>Triad</i> - perkumpulan kongsi yang mempunyai keupayaan bersifat militia dan melaksanakan aktiviti jenayah	<i>Cosmopolitan Fraternalism</i> yang merangkumkan keahlian melangkaui sempadan agama dan bangsa - Agenda menyusun orde baru yang mengesani pelbagai peringkat sehingga ke antarabangsa
Struktur	- Struktur tersusun, memiliki autonomi, hierarki dan peraturan tertentu - Monopoli kuasa <i>deep state</i> oleh institusi tertentu seperti tentera ke atas institusi-institusi negara yang lain - Penaung <i>deep state</i> terdiri daripada kalangan ketua badan keselamatan atau organisasi jenayah	- Hierarki atas ke bawah terdiri daripada; - Entiti penguasa tunggal - Ahli keluarga, - kerabat dan kenalan terdekat - Ketua masyarakat/pertubuhan/institusi kerajaan	- Diketuai oleh seorang <i>chongsu</i> yang memegang keputusan akhir kepada konglomerat - Pemusatan kuasa kepada kelompok ahli keluarga - Pemilikan silang oleh syarikat induk kepada syarikat subsidiari - Hierarki jaringan syarikat bermula daripada pengasas, syarikat induk (<i>parent</i>)	- Struktur organisasi bersifat <i>rigid</i> dan berhierarki piramid diketuai oleh seorang <i>Kapitan</i> yang dilantik sebagai ketua - Digambarkan sebagai "loose cartel" dengan hubungan persaudaraan dan struktur jaringan labah-labah untuk rekrutmen.	Memiliki hierarki di dalam struktur, tetapi keahlian struktur tertinggi bersifat rahsia dan hanya diketahui kelompok dalam hierarki tertinggi dan tertentu sahaja

			<i>company</i>), syarikat generasi kedua & ketiga (<i>subsidiaries</i>)		
Jaringan	• Jaringan subversif antara Institusi rasmi negara dan bukan rasmi • Jaringan institusi perisikan dan keluarga elit dalam negara. • Jaringan badan-badan kerajaan dan institusi autonomi dalam negara (seperti Raja)		• Memiliki jaringan luas melalui syarikat-syarikat di negara lain • Jaringan institusi pendidikan berprestij sebagai sumber tenaga kerja	• Transnational dan bersifat lokal serta mempunyai jaringan bersifat <i>clan</i> dan kekeluargaan.	• Melibatkan entiti <i>secret society</i> dengan aktor-aktor elit dalam politik dan ekonomi di dalam negara. • Jaringan bersifat global merentasi sempadan kelompok agama dan bangsa tertentu.
Modus Operandi	• <i>Tutelage</i> yang melihat <i>deep state</i> sebagai penaung kepada ideologi nasional. • <i>Patronage</i> atau <i>clientelism</i> yang menjadikan dasar, polisi dan perundangan negara melindungi <i>deep state</i>. • Menggunakan kuasa veto ke atas institusi-institusi tertinggi negara • Menggunakan <i>pushct threat</i> terhadap masyarakat sivil • Clientelism yang	• Memunculkan diri ketika negara berada dalam keadaan krisis • Timbal balik sumber daya antara <i>shadow state</i> dengan ketua institusi kuasa negara dan ketua masyarakat • Memonopoli sumber penghasilan negara • Menggunakan kuasa tentera dan perundangan melindungi kuasa dinasti • Menghantar ahli keluarga dan kerabat menduduki jawatan	• Mendanai ahli politik dan parti • Monopoli jentera dan inovasi perindustrian ekonomi • Merekrut bekas hakim dan penjawat awam sebagai langkah membina kuasa perundangan dan pengurusan audit • Merekrut penjawat awam bagi mengeksploit dasar kerajaan	• Terlibat dalam <i>grey activities</i> menjalankan aktiviti dalam bentuk syarikat dan "<i>corporation</i>" berdasarkan pasaran (motif kapital) • Memberi rasuah kepada pentadbiran terutama ahli politik dan penjawat awam untuk membenarkan aktiviti mereka. • Mempunyai kapasiti militia untuk menjalankan jenayah terancang, serta keupayaan	• Rekrutmen elit tempatan melalui pendidikan, pertubuhan sosial bagi menjayakan agenda <i>secret society</i> di negara jajahan. • Penyusupan aktor yang direkrut ke dalam parti-parti politik, institusi pentadbiran. • Aktor yang direkrut terlibat dalam pembuatan polisi dan dasar kerajaan dan

	beroperasi melangkaui batasan undang-undang	penting dalam politik dan pentadbiran negara		perlindungan keselamatan kepada ahli-ahli perniagaan dan syarikat-syarikat swasta setanding dengan ketenteraan.	negara.
--	---	--	--	---	---------

4.0 Cadangan Konsep Deep State Berdasarkan Tinjauan Literatur



Rajah 2. Struktur, bentuk hubungan, dan ruang lingkup pengaruh deep state di dalam institusi yang memiliki autonomi dan kuasa di dalam sesebuah negara

Rajah 2 digarap berdasarkan struktur, jaringan dan modus operandi *deep state* dan beberapa konsep yang berkaitan seperti *shadow state*, *chaebol*, *secret societies* dan *kongsi-triad* dalam literatur. Perbincangan mengenai *deep state* dan beberapa konsep lain yang berkaitan di dalam penulisan ini telah berhasil mengungkapkan ruang lingkup pengaruh *deep state* merangkumi empat paksi kuasa utama di dalam negara iaitu ekonomi, pentadbiran, kehakiman dan keselamatan.

Di dalam struktur *deep state*, terdapat struktur kuasa atau hierarki tertinggi yang diketuai oleh *patron*. *Patron* ini terdiri daripada aktor di dalam organisasi elit atau keluarga elit. Di dalam struktur *deep state* ini juga, terdapat peranan proksi atau ejen yang bergerak di dalam paksi atau institusi kuasa utama di dalam negara dan memastikan hala tuju institusi tersebut mengikut kehendak *deep state*. Selain itu, terdapat juga hubungan berbentuk '*clientelism*' yang lebih dinamik dan dianggap situasi '*menang-menang*' di antara *deep state* dan aktor yang berada di dalam institusi kuasa negara.

Ruang lingkup pengaruh *deep state* ke atas struktur-struktur kuasa utama di dalam negara iaitu ekonomi, keselamatan, pentadbiran dan kehakiman adalah menerusi proksi yang berada di dalam struktur-struktur tersebut. Proksi *deep state* wujud dalam dua bentuk, iaitu yang pertama melalui aktor yang disusun ke dalam struktur kuasa dan bentuk kedua yang lebih bersifat *clientelism*, iaitu kedua-dua pihak *deep state* dan proksi beroleh manfaat antara satu sama lain.

5.0 Kesimpulan

Perbincangan tema *deep state* bagi menjelaskan konsep 'kuasa di sebalik kuasa', 'daulah terpendam' atau 'kerajaan tidak rasmi' di dalam sesebuah negara dapat disusun dengan lebih baik dengan memperluaskan semula takrif dan definisi dalam literatur. Mengambil kira dan meneliti perbincangan konsep-konsep lain yang membawa kerangka yang hampir sama dengan *deep state* seperti *shadow state*, *chaebol*, *kongsi-triad* dan *secret societies* telah membantu dalam memperluaskan kefahaman mengenai *deep state* yang dibuat di dalam kajian ini. Akhirnya, *deep state* sebagai sebuah konsep yang digarap berdasarkan takrif, struktur, jaringan dan modus operandi boleh digunakan sebagai sandaran atau indikator dalam kajian-kajian khusus mengenai konsep ini di setiap negara yang berbeza.

Rujukan

- Albert, E. (2018). *South Korea's Chaebol Challenge*. Council on Foreign Relations. <https://www.cfr.org/backgrounder/south-koreas-chaebol-challenge>
- Beazley, K. (2016). Vernon Parker Oration to Australian Naval Institute. <https://navalinstitute.com.au/full-text-of-2016-vernon-parker-oration-kim-beazley/>
- Boje, D., & Joh, T. T. (2006). Can chaebols become postmodern? *Problems and Perspectives in Management*, 1, 200-223.
- Burchill, S. (2020). Is there a deep state. In *Misunderstanding International Relations* (pp. 85-106). Palgrave Macmillan.
- Caliskan, K. (2017). Explaining the end of the military tutelary regime and the July 15 coup attempt in Turkey. *Journal of Cultural Economy*, 10(1), 97-111.
- Cassivellaunus. (2013). *The Fabian Society: the masters of subversion unmasked*.
- Chu, Y. K. (2000). *The Triads as Business*. Routledge.
- Deschamps, S. (2017). Merchant and Masonic Networks in Eighteenth-Century Colonial India. *L'Empire*, 74. <https://doi.org/10.4000/1718.828>
- Djati, W. R. (2014). Revivalisme Kekuatan Familisme dalam Demokrasi: Dinasti Politik di Aras Lokal. *Masyarakat: Jurnal Sosiologi*, 203-231.
- Edelbacher, M., Kratoski, P. C., & Dobovsek, B. (Eds.). (2015). *Corruption, fraud, organized crime, and the shadow economy*. CRC Press.
- Erickson, B.H. (1981). Secret Societies and Social Structure. *Social Forces*. 60(1), 188-210.
- Ertür, B. (2016) The conspiracy archive: Turkey's deep state on trial. In: Motha, Stewart and van Rijswijk, H. (eds.) *Law, Violence, Memory: Uncovering the Counter-Archive*. Routledge, pp. 177-194.
- Excelsior. (2021). Malaysia, Excelsior Lodge, Retrieved September 26, 2021, <https://excelsiorlodge.com/faq/malaysia/>
- Filiu, J.P. (2015). *From deep state to Islamic State: The Arab Counter-Revolution and its Jihadi Legacy*. Oxford University Press.
- Gliniak, P. (2021). From colonial capitalism to crony capitalism. Historical and institutional determinants of the socio-economic model from the Malaysian perspective. *Skhid*, 2(2), 5-13. [https://doi.org/10.21847/1728-9343.2021.2\(2\).237411](https://doi.org/10.21847/1728-9343.2021.2(2).237411)
- Gould, J. W. (1969). *The United States and Malaysia*. Harvard University Press.
- Harland-Jacobs, J. (2014). Freemasonry and Colonialism. In *Handbook of Freemasonry*. BRILL.
- Harland-Jacobs, J. L. (2013). *Builders of Empire: Freemasons and British Imperialism 1717-1927*. The University of North Carolina Press.
- Hock, C. H. (1980). *The Democratic Action Party in Post-1969 Malaysian Politics: The Strategy of a Determined Opposition*. [Master's thesis, Australian National University].
- Hughes, R. G., & Shaffer, R. (2021, 1 22). The Bhutto family and Pakistan: Power, Politics, and the deep state. *Intelligence and National Security*, 1(22).
- Ishak, R.N.R (1977), Ucapan Penangguhan: Simbol Freemason dan Kaitannya dengan Yahudi, Parlimen Keempat, Penggal Ketiga, *Penyata Rasmi Parlimen* <https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-13071977.pdf>
- Istiqomah, I. N., & Harsasto, P. (2017). Praktik Shadow State dalam Penyelenggaraan Pemerintahan pada Periode Kepemimpinan Siti Masitha-Nursoleh di Kota Tegal. *Journal of Politics and Government Studies*, 6(04), 191-200.
- Jensenius, F. R., & Wood, A. K. (2016). Caught in the act but not punished: On elite rule of law and deterrence. *Penn State Journal of Law & International Affairs*, 4(2).
- Karpiel, F. (2001). *Freemasonry, colonialism, and indigenous elites*. History Cooperative. http://webdoc.sub.gwdg.de/ebook/p/2005/history_cooperative/www.historycooperative.org/proceedings/interactions/karpiel.html
- Khoo, B. T. (2012). *Policy regimes and the political economy of poverty reduction in Malaysia*. Palgrave Macmillan.
- Kuk, M. (1988). The Governmental Role in The Making of Chaebol in the Industrial Development of South Korea. *Asian Perspective*, 12(1), 107-133.
- Leopold, D. (2007). Socialism and (the rejection of) utopia. *Journal of Political Ideologies*, 12(3), 219-237.
- Lo, T. W., & Kwok, S. I. (2013). Chinese triad society. *Oxford bibliographies in Criminology*.

- Lofgren, M. (2016). *The deep state: The fall of the constitution and the rise of a shadow government*. Penguin.
- Mak, L. F. (2019). The Knots of the Chinese Secret Societies in Early Singapore. In C. G. Kwa & B. L. Kua (Eds.), *A General History of the Chinese in Singapore* (pp. 153-168). World Scientific Publishing Company. https://doi.org/10.1142/9789813277649_0007
- Martin, R. L. (1966). *Fabian Freeway: High Road to Socialism in the USA*. Western Islands Publishers
- Mérieau, E. (2016). Thailand's deep state, royal power and the Constitutional Court (1997–2015). *Journal of Contemporary Asia*, 1-22.
- Merriam-Webster. (1997). *Deep state*. Merriam-Webster. Retrieved August 18, 2021, from <https://www.merriam-webster.com/dictionary/deep%20state>
- Mukeri, M. (2012). Kemandirian Ekonomi Solusi untuk Kemajuan Bangsa. *Dinamika Sains*, 10(24).
- Murillo, D., & Sung, Y. D. (2013). Understanding Korean capitalism: Chaebols and their corporate governance. *ESADEgeoe Center for Global Economy and Geopolitics Position Paper*, 33.
- O'Neil, P. H. (2017). The deep state: An Emerging Concept in Comparative Politics. *SSRN*. <https://dx.doi.org/10.2139/ssrn.2313375>
- Özkut, G. T., & Aşçı, J. (2020). Long-Lasting State of Emergency: Use of (In) security for Consolidation of Power in Turkey. *Democracy and Security*, 16(3), 189-209.
- Partington, J. S. (2008). H. G. Wells: A Political Life. *Utopian Studies*, 19(3), 517-576.
- Purbrick, M. (2019). Patriotic Chinese Triads and Secret Societies: From The Imperial Dynasties, to Nationalism, and Communism. *Asian Affairs*, 50(3), 305-322.
- Purcell, V. (1951). *The Chinese in Southeast Asia*. Oxford University Press
- Sadat, F. (2018). Pakistan, Afghanistan and the Liberal Proxies. *Kardan Journal of Social Sciences and Humanities*, 1(1), 75-83.
- Scott, P. D. (2007). *The Road to 9/11: Wealth, Empire, and The Future of America*. University of California Press.
- Seng, G.Q. (2017). 'How I wished that it could have worked': James Puthuchear's Political-Economic Thought and the Myth of Singapore's Developmental Model. In *Living with Myths in Singapore*. Ethos Books.
- Seng, T. A. (2017). The Changing Arena of Power Contestation Between the State and Chaebols in South Korea: Democracy and the Ascent of Legal Institutions. *Cornell International Affairs Review*, 11(1).
- Shcumpeter, J. A. (1942). *Capitalism, Socialism, and Democracy*. Harper & Brothers.
- Sklair, L. (2002, April). The Transnational Capitalist Class and Global Politics: Deconstructing the Corporate: State Connection. *International Political Science Review*, 23(2), 159-174.
- Sopian, N. L. (2014). *Political Dynasties and The Emergence of Local Oligarchs in Post Suharto Indonesia and The Philippines*. [Doctoral dissertation, Northwestern University].
- Söyler, M. (2015). *The Turkish deep state: State Consolidation, Civil-Military Relations and Democracy*. Routledge.
- The International Anthony Burgess Foundation. (2011a). *Dystopias: Burgess and Aldous Huxley*. The International Anthony Burgess Foundation. <https://www.anthonymburgess.org/twentieth-century-dystopian-fiction/dystopias-burgess-alldous-huxley/>
- The International Anthony Burgess Foundation. (2011b). *Mr Burgess's 'special students'*. The International Anthony Burgess Foundation. <https://www.anthonymburgess.org/blog-posts/mr-burgesss-special-students/>
- Trudeau, D. (2008). Towards a relational view of the shadow state. *Political geography*, 27(6), 669-690.
- Waldman, S., & Caliskan, E. (2019). Factional and Unprofessional: Turkey's Military and the July 2016 Attempted Coup. *Democracy and Security*, 16(2), 123-150.
- Wang, P. T. (1977). *The Origins of Chinese Kongsis with Special Reference to West Borneo*. [Master's thesis, The Australian National University].
- Watmough, S. P. (2017). *Democracy in the shadow of the deep state: guardian hybrid regimes in Turkey and Thailand*. [Doctoral dissertation, European University Institute].
- Wells, H.G. (2018), *Reproduction of the original: Anticipations by H.G. Wells*, Frankfurt.
- Wilkinson, R., & Pickett, K. (2014). *A Convenient Truth - A Better Society for the US and The Planet*. Fabian Society.
- Winchell, S. P. (2003). Pakistan's ISI: The Invisible Government. *International Journal of Intelligence and CounterIntelligence*, 16(3), 374-388.
- Wolch, J.R. (1990). *The Shadow State: Government and Voluntary Sector in Transition*. Foundation Center.

- Xia, M. (2008). Organizational Formations of Organized Crime in China: perspectives from the state, markets, and networks. *Journal of Contemporary China*, 17(54), 1-23.
- Yang, A. J. A. (2016). Aliran Fabian dalam Gerakan Politik di Malaysia (1952-1970): Suatu Tinjauan Awal daripada Perspektif Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 1(2), 67-77.
- Zibaei, M. (2019). Deep state in Egypt: From Revolution to Dictatorship. *The Quarterly Journal of Political Studies of Islamic World*, 8(31), 97-112.